

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

TARIKH : 17.06.2014 (SELASA)

TUAN NG WEI AIK [TANJONG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sama ada siasatan dijalankan dan tindakan diambil di bawah Akta Persaingan 2010 terhadap Tan Sri Syed Mokhtar al-Bukhary yang monopoli perusahaan pelabuhan melalui penguasaan ke atas Pelabuhan Johor, Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Pulau Pinang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Persoalan bahawa Tan Sri Mokhtar Al-Bukhary telah mendominasi perusahaan pelabuhan adalah kurang tepat. Ini kerana terdapat 33 pelabuhan di Malaysia yang dimiliki oleh beberapa syarikat lain yang berlainan entiti dan berlainan pemilik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelabuhan Tanjung Pelepas adalah satu projek usahama di antara Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd. dan Maersk (syarikat perkapalan dari Denmark). Pelabuhan Johor

dimiliki oleh Johor Port Sdn. Bhd. manakala Pelabuhan Pulau Pinang dimiliki oleh Seaport Terminal Sdn Bhd. Pengambilalihan kedua-dua pelabuhan ini dibuat melalui proses pengambilalihan (*acquisition*) yang sah di sisi undang-undang contohnya Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993. Oleh itu, Suruhanjaya Persaingan Malaysia tidak mempunyai kuasa ke atas proses pengambilalihan (*acquisition*) yang sah di sisi undang-undang. Walau bagaimanapun, Kerajaan percaya bahawa tindakan tersebut telah dan sedang menjana kecekapan kos pengeluaran dan memperbaiki prestasi kualiti kedua-dua pelabuhan tersebut untuk jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang.

Suruhanjaya Persaingan Malaysia hanya boleh mengambil tindakan apabila sesebuah perusahaan atau syarikat yang mempunyai kedudukan dominan menyalahgunakan kedudukan dominannya. Sebagai contoh, mengawal saluran keluar pasaran atau capaian pasaran sehingga memudaratkan pengguna atau berkelakuan seakan pemangsa terhadap pesaingnya. Ini jelas diterangkan pada Seksyen 10, Akta Persaingan 2010.

Justeru, untuk menentukan sama ada terdapatnya penyalahgunaan kedudukan dominan, penelitian struktur pasaran untuk memastikan bahawa sesuatu pihak yang dituduh melanggar Seksyen 10 benar-benar berada pada kedudukan dominan perlu dijalankan dan jika benar, adakah pihak yang dominan itu telah menyalahgunakan kedudukannya di pasaran yang berkaitan perlu dikenalpasti.

Setakat ini, pihak MyCC tiada menjalankan apa-apa siasatan ke atas Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary mahupun Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd., Johor Port Sdn. Bhd. dan Seaport Terminal Sdn. Bhd. terhadap isu pemilikan pelabuhan-pelabuhan yang berkenaan di bawah Akta Persaingan 2010. Suruhanjaya Persaingan disini ingin memberi jaminan bahawa ia tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana perusahaan di Malaysia termasuk yang disebutkan di atas sekiranya terdapat pelanggaran Seksyen 10.